

## Peranan Pemahaman Budaya Organisasi dalam Kalangan Para Pekerja Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dalam Mencapai Matlamat Amalan Perbankan Berlandaskan Syariah

The Role of Understanding Organizational Culture among Employees of Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) in Achieving the Goal of Shariah-Compliant Banking Practices

ROSFAZILA BINTI ABD RAHMAN  
NOVEL ANAK LYNDON  
LATIFA BIBI BINTI MUSAFAH HAMEED  
ABDUL RAZIF ZAINI  
MOHD SHAHRUL NIZAM BIN MOHD DANURI  
MARLIANA BINTI ABDULLAH  
KHAIRUL ANUAR BIN AHMAD

### ABSTRAK

Budaya organisasi Islam adalah set nilai berdasarkan al-Quran, Sunnah, Ijma dan Qiyyas yang membantu ahli-ahli organisasi berkaitan dengan kefahaman mereka terhadap maksud organisasi, cara organisasi beroperasi dan perkara yang berkepentingan. Pengamalan budaya organisasi Islam melalui Sistem Perbankan Islam (SPI) di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) merupakan manifestasi pertumbuhan semula asas nilai-nilai Islam di bank-bank Islam. Justeru, isu utama kajian ini ialah sejauh mana pekerja BIMB memahami budaya organisasi Islam dan melaksanakan Sistem Perbankan Islam (SPI) yang dibentuk oleh prinsip-prinsip syariah. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti sejauh mana pemahaman budaya organisasi dalam kalangan pekerja BIMB telah memainkan peranan dalam mencapai matlamat amalan perbankan berlandaskan syariah. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif melibatkan temu bual berstruktur dengan 36 informan daripada kumpulan pegawai yang terdiri daripada pegawai syariah, operasi, produk dan perkhidmatan dan kumpulan pengurusan yang terdiri daripada pengurusan tertinggi organisasi. Penganalisisan data telah dilaksanakan dengan menggunakan perisian ATLAS.ti bagi tujuan pengekodan berdasarkan taksonomi dan tema-tema yang dipacu oleh data yang diperoleh dan dibina oleh pengkaji sendiri. Penemuan kajian mendapati makna budaya organisasi menurut pandangan dunia pekerja BIMB ialah aspek-aspek kepimpinan, sosial bahawa kesepaduan antara aspek kepatuhan dengan strategi merupakan mekanisme penting dalam meneliti sejauh mana pemahaman budaya organisasi dalam kalangan pekerja BIMB telah memainkan peranan dalam mencapai matlamat amalan perbankan berlandaskan syariah. Kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan bahawa pemahaman budaya organisasi Islam di BIMB telah memainkan peranan dalam mencapai matlamat amalan dan organisasi perbankan berlandaskan syariah. Implikasinya, terdapat beberapa aspek penambahbaikan seperti kepimpinan, pengembangan dan inovasi produk dan perkhidmatan perlu diberikan perhatian demi kelangsungan budaya organisasi Islam BIMB dalam mencapai matlamat perbankan berlandaskan syariah.

Kata kunci: Sosiologi dan antropologi; budaya organisasi Islam; Sistem Perbankan Islam (SPI); Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB); Syariah ekonomi

### ABSTRACT

The Islamic organisation culture is a set of values based on the Qur'an, Sunnah, Ijma and Qiyyas which help members of such an organisation understand the meaning of the organisation, the way it operates and other significant matters related to it. The practice of Islamic organisation culture through the Islamic Banking System (SPI) at Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) is a manifestation of the revival of the basics of Islamic values among Islamic banks. Hence, the main questions of this study are: how far do the employees of BIMB understand the Islamic organisation culture? And how do they implement the Islamic Banking System (SPI) in accordance with Sharia'? The main objective of this study is to understand the organisation culture based on the employees' world view. The second objective is to examine the extent to which these employees understand the organisation culture and the roles they play in doing the banking practice based on Sharia'. The third objective is to examine how far the characteristics and internal interactions of

*BIMB have assisted in achieving its objective of becoming a banking organisation based on Sharia'. The study was conducted using the qualitative approach that involved structured interviews with 36 informants who are the officers of Sharia', operations, products and services personnel and also the management group who consist of top management officers. The data analysis was carried out by employing the ATLAS.ti software in order to do the coding based on the taxonomy and the themes which were driven by the data obtained and developed by the researcher herself. The main finding indicates that the meaning of organisation based on the employees' world view involves the social aspects as well as the aspects of leadership and worship. The second finding shows that the integration between obedience and strategy is an important mechanism in determining the understanding of the organisation culture among the BIMB employees and achieving the goal of Islamic banking practice based on Sharia'. The third finding illustrates that the organisation characteristics and internal interaction of BIMB have assisted in achieving the goal of BIMB of becoming an organisation based on Sharia'. In a nutshell, the study has shown the meaning and understanding of the Islamic organisation culture. In addition, it has also shown that the characteristics and internal interaction at BIMB have contributed to achieving the goal of Islamic banking practice and organisation based on Sharia'. The implication is that there are several aspects such as leadership, product development and innovation as well as services which need to be improved and given ample consideration so that BIMB keeps following the Islamic organisation culture to achieve the goal of Islamic banking according to Sharia'.*

**Keywords:** Sociology and anthropology; Islamic organisation culture; Islamic Banking System (SPI); Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB); Economic Sharia'

## PENGENALAN

Kajian tentang budaya organisasi Islam di organisasi perbankan banyak memberi fokus terhadap isu prestasi bank dan perbankan Islam, produk dan perkhidmatan terpilih dan aspek-aspek teknikal seperti perekonomian, pengurusan dan psikologi (Kamsuzilawati 2002), Noor Afiyas (2003), Maheran ; Nur Azura ; Zulkefly ; Zalina (2005), Nor Azzah (2009), Anitha et.al (2013), Norsilawati & Siti Rohaya (2012) dan Noordin (2014). Fokus utama kajian ini ialah untuk memahami makna budaya organisasi Islam menurut pandangan dunia para pekerja Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan bagaimana pandangan ini mempengaruhi matlamat amalan perbankan berlandaskan syariah. Di samping itu, kajian ini juga melihat struktur intra-organisasi BIMB iaitu keadaan semasa atau perkara yang sedang berlaku di dalam sesebuah organisasi. Ianya adalah struktur yang melihat hubungan interpersonal dalam organisasi yang mempengaruhi keputusan di dalamnya tetapi samada dikesampingkan daripada skim formal atau tidak konsisten dengan skim tersebut (Simon 1976). Analisis dalam peringkat intra-organisasi BIMB dipecahkan kepada dua iaitu ciri-ciri organisasi dan interaksi dalam BIMB.

Umumnya sistem ekonomi Islam adalah sebuah sistem dan bukan merupakan suatu ilmu pengetahuan kerana ia adalah cara yang dianjurkan oleh agama Islam dalam mengejar kehidupan ekonomi. Sistem ekonomi Islam bukanlah merupakan suatu penafsiran yang dengannya Islam menjelaskan peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam kehidupan ekonomi dan hukum-hukum yang berlaku di dalamnya. Ia

adalah sistem ekonomi yang berisikan setiap aturan dasar dalam kehidupan ekonomi yang berhubungan dengan ideologi (keadilan sosial) (Aditya Ananda 2015). Di dalam dunia Islam, sistem ekonomi Islam telah lama diamalkan sejak zaman Rasulullah saw, namun dengan munculnya fahaman pemikiran kapitalis, sosialis serta pemikiran ekonomi yang lain menyebabkan sistem ekonomi Islam umpama terpinggir. Namun, rentetan kejatuhan serta ketidakseimbangan yang wujud dalam sistem-sistem tersebut serta kebangkitan Islam dan aspirasi umat untuk menghayati ajaran Islam dalam kehidupan, maka berlaku peralihan seluruh dunia untuk mempraktikkan sistem ekonomi Islam yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Sistem kewangan Islam bukan sahaja menjadi tumpuan di negara-negara Islam tetapi juga di negara-negara Eropah (Hatem A. El-Karanshawy 2015; Islamic Financial Services Board IFSB 2015).

Sistem Perbankan Islam (SPI) Di Malaysia mula berkembang sejak tahun 1983 melalui Akta Perbankan Islam 1983 yang membawa kepada penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Akta tersebut memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menyelia dan mengawal aktiviti bank-bank Islam, sepetimana bank konvensional berlesen. Akta pelaburan Kerajaan juga telah diluluskan pada tahun tersebut untuk memberi kuasa kepada kerajaan mengeluarkan Sijil Pelaburan Kerajaan (SPK) iaitu bon kerajaan yang berasaskan Islam (Zulkefly et al. 2004). Sehingga kini, bank-bank Islam telah menjadi sumber modal utama di Malaysia (Zulkhibri 2015).

Bank Islam Malaysia Bhd (BIMB) adalah sepenuhnya bank Islam di Malaysia. Daya asas penting yang membawa kepada penubuhan bank Islam ini di Malaysia adalah penghapusan riba yang digunakan untuk faedah. Semua urus niaga di bank-bank konvensional adalah berdasarkan kepentingan atau riba yang dilarang oleh Islam. Bank Islam diminta sebagai penyelesaian kepadanya. Dengan peningkatan dalam populasi Islam dan kesedaran nilai-nilai Islam, terdapat permintaan yang lebih besar untuk bank Islam dan faedah kewangan oleh pengguna, peniaga, pelabur, dan ahli perniagaan Muslim. Sejak itu BIMB diperkenalkan dan dipasarkan dengan pelbagai faedah produk dan perkhidmatan perbankan Islam (Abdus Samad 2008). BIMB telah dianugerahkan oleh The European Global Banking & Finance Awards 2015 sebagai Islamic Bank Of The Year (Reuter's 2015).

Fokus penelitian kajian adalah organisasi formal (BIMB) iaitu memahami erti budaya organisasi serta nilai yang tertanam bersamanya. *Subject matter* kajian adalah organisasi formal. Kajian cuba memahami sebuah organisasi perbankan yang berorientasikan Islam dari pendekatan kualitatif dan merupakan satu penerokaan yang agak baru. Ruang lingkup penelitian menepati bidang kajian iaitu Antropologi dan Sosiologi. Permasalahan yang dijadikan isu dalam kajian ini ialah pemahaman tentang budaya organisasi Islam melalui pandangan dunia para pekerja BIMB akan mempengaruhi budaya kerja yang akhirnya akan menentukan sejauhmana matlamat perbankan berlandaskan syariah dicapai. Kajian cuba meneliti dan memahami apakah terdapatnya perbezaan ketara antara budaya organisasi perbankan Islam apabila memahami makna tersebut dengan bank biasa sehingga mempengaruhi amalan dalam mencapai matlamat institusi yang dikaji dalam kalangan staf. Kajian boleh menyumbang kepada korpus ilmu khususnya dalam bidang Antropologi dan Sosiologi.

## SKOP DAN METODOLOGI

Bahagian ini membincangkan kaedah yang diguna bagi menjawab persoalan kajian. Reka bentuk kajian yang dipilih, strategi kajian, teknik kajian serta strategi analisis yang digunakan. Pemilihan kaedah kajian diadaptasi dari kajian lampau. Setelah kaedah dan teknik kajian yang sesuai dikenal pasti dapat menjawab persoalan kajian, carian dokumen dilakukan berdasarkan isu yang ditetapkan. Temu bual dengan informan turut dijalankan bagi

mengenal pasti aspek yang dikaitkan dengan budaya organisasi Islam di BIMB. Bahagian ini juga memberikan penguraian dan penjelasan tentang cara dan perkaedahan kajian yang dijalankan bermula daripada pengenalan tentang reka bentuk kajian, pengumpulan data dan pensampelan, kerangka kerja teoretikal, prosedur analisis data, pengenalan tentang perisian QDA ATLAS.ti, proses pengekodan data dan taksonomi untuk menganalisis data hingga keabsahan dan pengesahan pakar terhadap dapatan dan penemuan kajian.


Kajian telah menggunakan kaedah kajian kualitatif yang melibatkan reka bentuk kajian kes dan analisis tekstual. Kajian ini mengkaji himpunan dialog yang terdapat dalam temubual berstruktur, mengumpulkan terlebih dahulu kesemua dialog tersebut di mana dialog-dialog ini memungkinkan pelaksanaan kajian terhadap fenomena budaya organisasi Islam. Penganalisisan data berlangsung dengan himpunan dialog dibaca setelah dikumpulkan berulang kali. Kemudiannya, ATLAS.ti digunakan untuk mengumpul petikan dan tema, mengekodkan tema kepada perkataan, frasa dan ayat serta menghasilkan output data yang menghimpunkan kod dan memo merentas seluruh dokumen berkod. Dengan menggunakan fungsi *family* (tema) yang terdapat dalam ATLAS.ti, dapat mengekod data yang diperoleh selain membina *networking* (gambar rajah dan pemetaan) yang amat membantu dalam menjelaskan konsep, bentuk dan pola data yang dianalisis. Data pada peringkat awal dikodkan secara umum melalui parameter kewujudan kesepadan (*congruity*) antara teks sumber dengan teks sasaran. Setelah proses pengekodan secara umum diselesaikan, melaksanakan proses pembinaan taksonomi untuk mencerakinkan data dan mengelompokkan kod-kod yang telah dibina.

Taksonomi utama yang telah dibina berpacukan data yang dianalisis adalah meneliti sejauh mana pemahaman budaya organisasi dalam kalangan pekerja BIMB telah memainkan peranan dalam mencapai matlamat amalan perbankan berlandaskan syariah. Taksonomi tersebut dipecahkan pula kepada subtema yang lebih kecil untuk memudahkan pengelompokan dan pengkategorian data; Aspek kepimpinan; sosial; Ibadah; kepatuhan; strategi; Operasi-Survival; perkhidmatan-nilai korperat; Produk-peribadi dan Perniagaan global. Kajian ini menggunakan prosedur Inter-rater Reliability (kebolehpercayaan antara pemeriksa) sebagai suatu strategi pengukuran kajian. Verifikasi dan

pengesahan yang diperoleh daripada pakar yang terlibat ketika kajian masih sedang berlangsung amat membantu dalam mengelakkan masalah ketidaktekalan dalam interpretasi selepas kajian disempurnakan dan memberikan ruang kepada untuk memperkuuh dan mempermantap analisis dan penemuan kajian yang diperoleh ketika kajian masih sedang berlangsung. Kajian ini tidak menguji sebarang hipotesis. Taksonomi yang telah dibina dan subtema membantu untuk menganalisis makna, pemahaman dan aplikasi budaya organisasi Islam di BIMB.

### PERANAN PEMAHAMAN BUDAYA ORGANISASI DALAM KALANGAN PARA PEKERJA BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB) DALAM MENCAPI MATLAMAT AMALAN PERBANKAN BERLANDASKAN SYARIAH.

Kajian mendapat terdapat dua tema utama iaitu aspek kepatuhan dan aspek strategi. Tema aspek kepatuhan mempunyai sepuluh sub-tema iaitu tiada gharar dan judi, patuh prinsip Fiqh Islami, memberi teguran dan nasihat, pengawalan wang, pengawalan aktiviti, tiada penindasan, bebas riba, produk berlandaskan al-Qur'an dan as sunnah, membentuk Majlis Syariah dan patuh perbankan Islam. Tema aspek strategi pula mempunyai tujuh sub-tema iaitu mengembangkan niche, jenama semula BIMB, capai keuntungan, rombakan dan pengubahsuaian, sistem Musyawwarah, pembangunan tiga tahun dan kepuasan pelanggan.



**RAJAH 1.** Peranan pemahaman budaya organisasi dalam kalangan para pekerja Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dalam mencapai matlamat amalan perbankan berlandaskan Syariah

Sumber: ATLAS.ti

Beberapa dapatan yang penting telah diperolehi daripada perbincangan di bawah taksonomi peranan pemahaman budaya organisasi dalam kalangan pekerja BIMB dalam mencapai matlamat amalan perbankan berlandaskan syariah. Bagi tema aspek kepatuhan, dapatan telah diperoleh seperti yang berikut.

1. Kesepaduan antara sub-sub tema kepada aspek pematuhan seperti tiada gharar dan judi, patuh prinsip Fiqh Islami, memberi teguran dan nasihat, pengawalan wang dan aktiviti perbankan, tiada penindasan, bebas riba, produk berlandaskan al-Quran dan as sunnah, membentuk Majlis Syariah dan patuh perbankan Islam adalah dilihat sebagai mekanisme penting dalam meneliti sejauh mana pemahaman budaya organisasi dalam kalangan pekerja BIMB telah memainkan peranan dalam mencapai matlamat amalan perbankan berlandaskan Syariah.
2. Penekanan dan penegasan berdasarkan kepada frekuensi tinggi respon informan pada tema ini ialah sub tema bebas riba dan sub tema patuh perbankan Islam. Bebas Riba dan Patuh Perbankan Islam adalah merupakan fokus utama strategi BIMB dalam mencapai matlamat taksonomi kedua.

Di bawah tema aspek strategi pula, kajian mendapati bahawa:

1. Kesepaduan antara 7 sub tema kepada aspek strategi seperti mengembangkan niche, menjenamakan semula BIMB, mencapai keuntungan, rombakan dan pengubahsuaian, sistem musyawwarah, pembangunan 3 tahun dan kepuasan pelanggan adalah dilihat sebagai mekanisme penting dalam meneliti sejauh mana pemahaman budaya organisasi dalam kalangan pekerja BIMB telah memainkan peranan dalam mencapai matlamat amalan perbankan berlandaskan Syariah.
2. Penekanan dan penegasan terhadap tema strategi dalam kalangan sub tema adalah berdasarkan kepada frekuensi tinggi respon informan kepada sub tema bebas riba dan sub tema kepuasan pelanggan. Kepuasan pelanggan adalah fokus utama strategi BIMB dalam mencapai matlamat taksonomi ini.

### RUMUSAN

Sebagai kesimpulan, perbincangan mengenai peranan pemahaman budaya organisasi dalam

kalangan pekerja BIMB dalam mencapai matlamat amalan perbankan berlandaskan syariah merupakan perbincangan yang menarik. Perbincangan mengenai makna budaya organisasi menurut pandangan dunia pekerja BIMB memaknakan budaya organisasi ialah aspek-aspek kepimpinan, sosial dan juga ibadah. Daripada makna ini, dapat pula dikaitkan bagaimanakah pemahaman terhadap makna budaya organisasi ini memainkan peranan dalam mencapai matlamat amalan perbankan berdasarkan syariah. Justeru, penemuan bagi taksonomi peranan pemahaman budaya organisasi dalam kalangan pekerja BIMB dalam mencapai matlamat amalan perbankan berlandaskan syariah ini mendapati bahawa kesepadan antara aspek kepatuhan dengan strategi adalah merupakan mekanisme penting dalam menilai sejauh mana pemahaman budaya organisasi dalam kalangan pekerja BIMB telah memainkan peranan dalam mencapai matlamat amalan perbankan berlandaskan syariah.

#### PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Dana Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (Ref: FRGS/1/2018/SS04/KUIS/02/1) yang diketuai oleh Dr. Rosfazila Binti Abd Rahman, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Jutaan terima kasih diucapkan kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah menjadi pusat gerakan dalam menjayakan kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada pihak Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang memberi kebenaran untuk menjalankan penyelidikan. Penghargaan juga diberikan kepada semua informen yang mengambil bahagian dalam kajian ini.

#### RUJUKAN

- Al-Qur'an.
- Abdus Samad. 2008. Did global financial crisis impact the Islamic banking efficiencies? Evidence from Malaysian Islamic banks. *Global Review of Islamic Economics and Business* 6(2): 2338-7920
- Aditya Anwar. 2015. Studi Literatur Dampak Budaya Organisasi Pada Perusahaan Multinasional. *Jurnal Ekonomi Akuntansi dan Manajemen* (S.I), V.14,n 1 July 2015.
- Anitha, R., Muhamad Husni, H. & Joni Tamkin, B. 2013. Produk Simpanan Berasaskan Ganjaran: Kajian Kes di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Simpanan Nasional (BSN). *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 7: 71-82.
- Hatem, T. & Metwally, E. 2012. Key factors influencing successful implementation of IT in bank: The case of International Commercial Bank of Egypt. *International Journal of Strategic Management* 12 (2): 145-152.
- Simon, H. A. 1976. Administrative behavior: A study of decision-making processes in administrative organization. [https://en.wikipedia.org/wiki/Administrative\\_Behavior](https://en.wikipedia.org/wiki/Administrative_Behavior)
- Kamaruzaman Noordin. 2014. Analisis pelaksanaan tawarruq dalam produk pembiayaan peribadi di Malaysia. Prosiding International Conference on Postgraduate Research 2014 (ICPR 2014), hlm.90-99
- Kamsuzilawati Kamin . 2002. Penglibatan masyarakat Islam dalam aktiviti pelaburan di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB): suatu kajian di Banting, Selangor. <https://core.ac.uk/display/35329540>
- Maheran et al. 2005. Pengiraan Keuntungan Oleh Bank Islam Dalam. [https://www.researchgate.net/publication/325618228\\_PENGIRAAN\\_KEUNTUNGAN\\_OLEH\\_BANK...](https://www.researchgate.net/publication/325618228_PENGIRAAN_KEUNTUNGAN_OLEH_BANK...)
- Noor Afiyas. 2003. Pengurusan Risiko Kecairan di Perbankan Islam - ukm.my. [www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013\\_2B1.pdf](http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_2B1.pdf) · PDF file
- Nor 'Azzah Kamri. 2009. Factors Influencing The Implementation Of Islamic Code Of Ethics In Organization: An Experience Of Tabung Haji. CD Proceedings of 1st International Conference on Arab-Malaysian Global Business and Entrepreneurship: Enhancing Networking in a Global Business. <https://umexpert.um.edu.my/azzah.html>
- Norsilawati Mohd Hassan & Siti Rohaya Mat Rahim. 2012. Keupayaan Menampam Kejutan dan Krisis Ekonomi: Analisis Perbandingan Perbankan Islam Dan Konvensional. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Negara Maju,Ipooh, Perak, 4 – 6 Jun 2012. PROSIDING PERKEM VII, JILID 2 (2012) 1581 – 1591. ISSN: 2231-962X.
- Zulkhibri, M., Naiya, I. dan Ghazal, R. 2015. Structural change and economic growth in selected emerging economies. *International Journal of Development Issues* 14(2): 98-116.
- Rosfazila Binti Abd Rahman  
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor darul Ehsan  
Malaysia  
Email: rosfazila@kuis.edu.my
- Abdul Razif Bin Zaini  
Pusat Pendidikan Isesco Di Malaysia  
Pusat Latihan KUIS (PLK),  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Email: abdulrazif@kuis.edu.my

Novel Anak Lyndon  
Social, Environmental and Developmental Sustainability  
Research Centre (SEEDS)  
Faculty of Social Sciences and Humanities  
National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor  
Malaysia  
Email: novel@ukm.edu.my

Khairul Anuar Bin Ahmad  
Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU)  
Aras 2, Blok Akademik 3,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.  
Emel : khairulanuar@kuis.edu.my

Latifa Bibi Binti Musafar Hameed  
Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi & Kewangan  
Islam (IRCIEF)  
Aras 2, Blok Akademik 3,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.  
Emel: latifabibi@kuis.edu.my

Mohd Shahrul Nizam Bin Mohd Danuri  
Fakulti Sains & Teknologi Maklumat (FSTM),  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
address Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor,  
MALAYSIA  
Emel : msnizam@kuis.edu.my

Marliana Binti Abdullah  
Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU)  
Aras 2, Blok Akademik 3,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.